

17 NOV 2003

Abdullah-Penggiliran/I

BN SABAH AKAN PUTUSKAN MASA DEPAN SISTEM PENGGILIRAN, KATA ABDULLAH

KOTA KINABALU, 17 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata pucuk pimpinan Barisan Nasional (BN) masih belum membuat keputusan sama ada akan meneruskan atau sebaliknya sistem penggiliran di Sabah.

Abdullah yang juga Pengerusi BN berkata beliau tidak akan campurtangan dalam perkara itu tetapi akan menyerahkannya kepada para pemimpin BN negeri untuk mencapai persetujuan.

"Saya tidak mahu campurtangan dengan perkara ini...sama-sama dia oranglah, kalau dia orang (pemimpin BN) setuju kita akan teruskannya.

"Kita tidak mahu gaduh mengenainya. Kita tidak mahu berpecah belah...kita tidak mahu gaduh kerana kalau kita berpecah-belah, kita boleh jadi lemah dan kelemahan kita akan merugikan BN," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis berbuka puasa dengan pemimpin Umno Sabah dan BN negeri di sini malam ini.

Mengenai sama ada BN akan memasukkan sebarang rujukan terhadap sistem itu dalam manifesto BN pada pilihan raya negeri akan datang sepertimana pada masa lepas, Abdullah berkata: "Tunggu dulu..manifesto lama lagi".

Sistem unik itu, diilhamkan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, diamalkan di Sabah sejak BN membentuk kerajaan negeri pada Mac 1994.

Ia bertujuan memberi peluang kepada pemimpin tiga kaum utama di Sabah -- Islam Bumiputera, bukan Islam Bumiputera dan Cina -- untuk menerajui negeri itu berasaskan penggiliran bagi tempoh dua tahun.

Sistem itu bagaimanapun mengalami sedikit perubahan pada Mac 2001 bagi memberi laluan kepada Umno.

Di bawah sistem yang diubahsuai itu, seorang pemimpin dari parti itu akan mengambil alih jawatan ketua menteri selepas penggal sesuatu kaum itu tamat.

Sistem itu setakat ini telah menyaksikan pelantikan tujuh ketua menteri -- Tun Sakaran Dandai, Datuk Seri Salleh Said Keruak, Datuk Yong Teck Lee, Tan Sri Bernard Dompok, Datuk Osu Sukam, Datuk Chong Kah Kiat dan Datuk Seri Musa Aman yang merupakan Ketua Menteri sekarang.

-- BERNAMA

NT RHM